

TALIAN DARURAT

Yang memerlukan respons segera

Pasukan Polis Singapura 999

Pasukan Pertahanan Awam Singapura 995

TALIAN PENTING

Untuk memberi maklumat atau mendapatkan nasihat

Polis (Hotline) 1800-2550000

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (Helplines)
Pusat Membanteras 1800-2626473
Pengganasan 62828473 (Faks)
ctc@isd.gov.sg

PROGRAM PERSEDIAAN KECEMASAN MASYARAKAT

Untuk keterangan lanjut mengenai Program Persediaan Kecemasan Masyarakat dan proses pendaftarannya, sila hubungi hotline SCDF di 68481524 (pada waktu pejabat) atau kunjungi laman web SCDF di <http://www.scdf.gov.sg/html/cepp/index.html>



BERWASPADA TERHADAP PENGGANASAN

Anda Tahu Apa Harus Dilakukan?

Pengganasan

Melibatkan Semua Orang

Dalam suasana keselamatan masa kini, barangan terbiar serta panggilan ancaman bom, boleh menyebabkan kesulitan yang amat sangat kepada semua orang, dan ini, boleh menggendalakan kegiatan seharian.

- Belajar bagaimana membezakan barangan terbiar yang mencurigakan dengan yang tidak.
- Tahu apa harus dilakukan apabila terjumpa barangan terbiar yang mencurigakan.
- Membantu petugas keselamatan atau pihak berkuasa apabila perlu membuat pemeriksaan.

Nampak Barangan Terbiar?



Barangan terbiar boleh menimbulkan kekhawatiran kerana ia boleh menjadi risiko keselamatan. Namun demikian, kejadian barangan hilang dan dijumpai lumrah di tempat awam.

Apa anda harus lakukan:

- Harus peka dengan ancaman keselamatan tetapi tidak harus terlampau curiga.
- Perlu berusaha untuk memastikan yang barangan terbiar itu benar-benar mencurigakan sebelum memberitahu petugas keselamatan atau Polis

Adakah Ia Mencurigakan?



Fikirkan faktor berikut untuk mengenal-pasti barangan yang terbiar:

Lokasi

- Adakah barangan itu dibiarkan di kawasan sensitif atau yang berisiko tinggi?
- Adakah barangan terbiar dilindungi atau disembunyikan?

Jenis Barangan

- Adakah barangan itu tipikal barangan yang hilang dan dijumpai?
- Adakah kemungkinan barangan itu tertinggal oleh seorang yang pelupa?

Adakah Ia Mencurigakan?



Ciri-ciri yang menunjukkan Alat Letupan

- Tanda berminyak atau warna yang pudar pada pembungkus.
- Terlalu banyak bahan pengikat seperti tali dan pita pelekat.
- Kawat atau kertas timah terjulur dari barangan tersebut.
- Ada kesan bau yang luar biasa seperti bau badam atau marzipan.
- Bunyi seperti detikan jam dari dalam barangan tersebut.

Apakah Yang Anda Harus Lakukan?



Jika barangan itu tidak mencurigakan:

- Anggap ia sebagai barangan tertinggal dan serahkan kepada petugas keselamatan atau tuan punya tempat.

Jika barangan itu mencurigakan:

- Jangan pegang atau buka barangan itu.
- Beritahu petugas keselamatan atau tuan punya tempat.
- Panggil Polis.

Bagaimana Anda Membantu Apabila Pemeriksaan Dilakukan?



Untuk memastikan sesuatu ancaman keselamatan, petugas keselamatan atau Polis akan lakukan pemeriksaan di tempat tersebut tanpa menyuruh sesiapa meninggalkan tempat.

Anda boleh membantu dengan cara berikut:

- Bantu mengumpulkan barangan milik anda untuk memudahkan pengenalan barangan yang mencurigakan
- Lihat di sekeliling anda untuk barangan terbiar; jangan sentuh barangan tersebut.
- Buat penilaian untuk memastikan sama ada barangan terbiar itu mencurigakan
- Laporkan kepada petugas keselamatan atau Polis semua barangan yang mencurigakan.
- Ikut arahan selanjutnya dari petugas keselamatan atau Polis.

Jika orang ramai harus meninggalkan tempat tersebut, lakukan dengan segera dengan tenang dan teratur. Bawa bersama, semua barang milik anda.